




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 16 NOVEMBER**



THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
LIBRARY  
540 EAST 57TH STREET  
CHICAGO, ILL. 60637  
TEL: 773-936-3200

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 51 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]  
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017  
SOALAN : 10**

**YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Hospital Sri Aman Sarawak. Apakah sebab kelambatan penyiapan projek tersebut dan adakah kelambatan itu menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Sri Aman.

3

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan anggaran kos RM222 juta. Projek ini dilaksanakan dalam 2 Fasa, di mana fasa pertama melibatkan kerja-kerja tanah dan rawatan tanah yang bermula pada 30 Julai 2012 dan telah siap pada 29 Ogos 2013. Projek kini dalam fasa kedua yang melibatkan kerja bangunan bermula 26 Oktober 2015 dan dijadualkan siap pada 25 Oktober 2018.

Buat masa ini projek mengalami kelewatan disebabkan oleh:

- 1) Pertukaran cerucuk *RC Square (Reinforced Concrete Square Pile)* kepada cerucuk spun akibat kekurangan bekalan cerucuk *RC Square*;
- 2) Perubahan jenis cerucuk *spun* kepada *micropile* akibat penemuan *Hard Soil Layer* pada bangunan Kuarters Pegawai sewaktu pembinaan;
- 3) Bilangan pekerja dan aktiviti semasa adalah tidak mencukupi untuk tujuan pemulihan kerja; dan
- 4) Kelemahan strategi pengurusan pembinaan pihak kontraktor dalam mengoptimumkan sumber di tapak.

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi memantau dan memastikan projek ini disiapkan meliputi perkara berikut;

- 1) Mesyuarat Jawatankuasa *Problem Solving Governance (PSG)* JKR pada 7 September 2017 telah menetapkan pencapaian minimum pihak kontraktor untuk bulan September ke atas adalah 4.5%. Sekiranya gagal, Pegawai Penguasa (PP) dikehendaki untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan kehendak kontrak;
- 2) Mengadakan mesyuarat koordinasi secara mingguan bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dan memantau pencapaian kontraktor berbanding sasaran kerja;
- 3) Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kelewatan untuk menunjukkan kedudukan kemajuan projek; dan
- 4) Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa JKR pada 13 September 2017 menjelaskan kontraktor mempunyai asas untuk dipertimbangkan pemberian lanjutan masa.

5

SOALAN NO.: 11

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
KAWASAN : KOTA SAMARAHAN  
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah kajian impak bagi mengurangkan jumlah kemalangan di jalan persekutuan dilakukan dan apakah solusi bagi mengatasi masalah ini.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) telah menyediakan peruntukan di bawah program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Di mana peruntukan ini digunakan untuk menaiktaraf dan merawat lokasi-lokasi kemalangan di seluruh negara merangkumi pembinaan jejantas pejalan kaki dan lokasi kemalangan di bawah kategori `blackspot` dalam usaha mengurangkan jumlah kemalangan di jalan persekutuan.

Pemantauan secara berkala di lokasi yang telah dirawat dilaksanakan secara berterusan oleh JKR dengan sasaran pengurangan kemalangan sehingga 70%.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI

TARIKH: 16 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah segera Kementerian bagi mengatasi lambakan warga asing yang menghakis peluang-peluang pekerjaan ke atas rakyat tempatan.

PR-1353-L03807

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendirian bahawa keutamaan pekerjaan hendaklah sentiasa diberikan kepada rakyat tempatan. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat seramai 1,732,944 pekerja asing yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pada 30 September 2017 berbanding seramai 1,866,369 orang pada tahun 2016 dan seramai 2,135,035 orang pada tahun 2015. Penggajian pekerja asing dibenarkan bagi kategori pekerjaan yang tidak dapat diisi oleh warganegara dalam sektor dan sub-sektor yang dibenarkan sahaja iaitu hanya kategori pekerjaan asas.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut melaksanakan pelbagai usaha bagi mengatasi lambakan warga asing yang menghakis peluang-peluang pekerjaan ke atas rakyat tempatan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KSM bagi menangani lambakan pekerja asing seperti berikut:

- i. mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan mendapat maklumat dan seterusnya memohon jawatan tersebut;

- 9
- ii. menetapkan kuota dan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan;
  - iii. mengkaji semula amalan *out-sourcing* dalam penggajian pekerja asing;
  - iv. meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan mulai tahun 2018 bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan;
  - v. menggalakkan industri-industri yang berintensif buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi serta menggiatkan lagi pelaksanaan *Industrialised Building System (IBS)* dalam industri pembinaan;
  - vi. mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja terutama di sektor yang kurang diminati oleh pekerja tempatan;
  - vii. menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana peruntukkan Seksyen 60M, Akta Kerja 1955;
  - viii. Menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan yang bertujuan menempatkan pekerja tempatan terlebih dahulu bagi majikan yang memohon pekerja asing termasuk kategori pekerjaan asas;

- ix. pembangunan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) bagi menyelaraskan permohonan dan kemasukan pekerja asing lebih terkawal dan sistematik; dan
  - x. mengadakan kerjasama dengan persatuan-persatuan majikan bagi membantu para majikan untuk mendapatkan pekerja tempatan seperti kerjasama dengan *SME Association*.
3. Kesimpulannya, Kerajaan komited dan konsisten dengan prinsip bahawa keutamaan pengambilan pekerja di negara ini hendaklah diberikan kepada rakyat tempatan selaras dengan usaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di samping memastikan keselamatan negara terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD**  
**[PARIT SULONG]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 13**

**YB Dato' Dr Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah peratusan ibu bapa yang menyimpan darah tali pusat bayi mereka berbanding jumlah kelahiran bayi di Malaysia sepanjang tahun 2017 dan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai ibu bapa menyimpan darah tali pusat bayi mereka untuk tujuan perubatan di masa datang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai usaha dan inisiatif sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menggalakkan lebih ramai ibu bapa menyimpan darah tali pusat bayi mereka untuk tujuan perubatan pada masa akan datang.

Di Malaysia, terdapat dua fasiliti KKM yang memainkan peranan sebagai Pusat Penyimpanan Darah Tali Pusat (Cord Blood Bank), iaitu di Pusat

Darah Negara dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar. Bilangan darah tali pusat bayi yang telah dikumpulkan pada tahun 2017 sehingga bulan September adalah sebanyak 3,250 unit. Namun, sebanyak 543 unit sahaja yang berjaya disimpan selepas pemprosesan bergantung kepada kualiti darah tali pusat tersebut.

Setakat ini statistik, jumlah kelahiran di Malaysia untuk tahun 2016 dan 2017 masih tidak lengkap dan sedang dikemaskini oleh Jabatan Statistik Negara. KKM tidak mempunyai maklumat berkenaan peratusan ibu bapa yang menyimpan darah tali pusat berbanding kelahiran bayi.

#### **Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian telah menjalankan beberapa siri ***Seminar Stem Cell Research & Therapy*** bagi memberi pengetahuan kepada kakitangan kesihatan dan orang awam mengenai perkhidmatan sel stem di Tabung Darah Tali Pusat Negara dengan kaedah '*Good Clinical Practice*' dan '*Good Laboratory Practice*' bagi memastikan tahap keselamatan dan kualiti darah tali pusat yang diambil.

Bagi meleraikan pertikaian hukum-hukum Islam terutama yang melibatkan aspek biologi seperti sel stem darah tali pusat, sel stem embrio, darah tiruan, pengklonan dan sebagainya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-66 pada 22 Februari 2005 telah mengeluarkan satu fatwa bahawa ia boleh digunakan untuk tujuan perubatan dan kaji selidik.